

Pengendalian Kes Buruh



TAHUKAH ANDA??

Akta Kerja 1955 memperuntukkan kuasa Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja untuk menyiasat pertikaian yang melibatkan TUNTUTAN KEWANGAN oleh pihak pekerja atau majikan.

Tuntutan Oleh Pekerja

SEKSYEN	PEKERJA	JENIS TUNTUTAN
69 Akta Kerja 1955	Pekerja di bawah Jadual Pertama Akta Kerja 1955.	<ol style="list-style-type: none"> Gaji atau apa-apa bayaran lain di bawah kontrak perkhidmatan, sebarang peruntukan di bawah akta/peraturan perburuhan. Mengesahkan atau mengeneipkan apa-apa keputusan di bawah S.14 (1). Kes hendaklah difailkan dalam tempoh 60 hari dari tarikh keputusan.
69B Akta Kerja 1955	Pekerja yang upahnya melebihi RM2,000 tetapi tidak melebihi RM5,000.	Gaji atau apa-apa bayaran lain di bawah Kontrak Perkhidmatan.

Tuntutan Oleh Majikan

SEKSYEN	MAJIKAN	JENIS TUNTUTAN
69 (2) (iii) Akta Kerja 1955	Majikan kepada pekerja di bawah Jadual Pertama.	Gaji Ganti Notis.
69C Akta Kerja 1955	Majikan kepada pekerja yang upahnya melebihi RM2,000 tetapi tidak melebihi RM5,000.	Gaji Ganti Notis.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila emel: jtksm@mohr.gov.my atau hubungi



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

**Jabatan Tenaga Kerja
Semenanjung Malaysia
(JTKSM)**

MASALAH DI TEMPAT KERJA?



DAPATKAN **KHIDMAT NASIHAT** PERCUMA
MELALUI:

Telefon
03-8000 8000


Hadir ke
Pejabat
Tenaga Kerja
Berdekatan.

E-mel
jtksm@mohr.gov.my

Aduan bertulis kepada
Pejabat Tenaga Kerja.

1
2
3
4

ADUAN PERBURUHAN



KES BURUH

Mahkamah Buruh menyediakan sistem pengadilan perburuhan yang adil, mudah, cepat dan percuma.

Bagaimana Tuntutan Dibuat

1 Hadir sendiri dan memberi kenyataan bersumpah di hadapan Pegawai untuk merekodkan tuntutan.

2 Mengemukakan dokumen-dokumen/ maklumat-maklumat penting.

Maklumat Yang Diperlukan

- 1 Nama dan alamat surat menyurat (bawa kad pengenalan/passport).
- 2 Nama dan alamat tempat pekerjaan (carian Suruhanjaya Syarikat Malaysia).
- 3 Butir-butir pendapatan dan slip gaji (jika ada).
- 4 Surat pelantikan dan syarat-syarat perkhidmatan (jika ada).
- 5 Surat penamatan (jika ada).

Proses Penyiasatan Aduan Perburuhan

Siasatan dimulakan setelah menerima maklumat aduan.

Sekiranya aduan berasas, notis pembetulan akan dikeluarkan kepada majikan. Kes aduan ditutup sekiranya aduan tidak berasas.

Hasil siasatan akan dimaklumkan kepada pengadu.

Sekiranya notis pembetulan tidak dipatuhi oleh majikan, tindakan pendakwaan/kompaun akan diambil.

KES TUTUP

RM

**MASALAH ANDA
AKAN DIBERI
PERHATIAN
DAN DIAMBIL
TINDAKAN**

